


Melepassi amaran : This copy of Microsoft Windows XP is not genuine



Kini terdapat cara untuk mengatasi masalah tindakan Anti-Cetakrompak Microsoft - Peringatan Kelebihan Windows Tulen (Windows Genuine Advantage Notifications) yang memperingatkan pengguna Windows dengan mesej popup jika didapati anda menggunakan perisian Windows yang tidak tulen ini

Komputer yang telah terjangkit dengan peringatan Microsoft melalui Mesej Popup di atas akan juga mendapati satu tampalan di bawah penjurus sebelah kanan skrin komputer mereka yang mana tampalan ini adalah kekal. Tampalan WGA Notifications ini akan dipasangkan di dalam komputer jika pengguna (dengan sengaja atau kecuai) mengemaskinikan Windows secara automatik melalui website Windows Update atau jika seseorang pengguna XP memuat-turun secara manual mana-mana updates Windows yang terkini.

Berikut adalah beberapa cara untuk mengatasi masalah ini.:

PERTAMA

Tamatkan proses `wgatray.exe` di dalam Windows TaskManager dan hidupkan semula Windows XP secara safe mode (Gunakan kunci F8 semasa memulakan penghidupan semula Windows). Kemudian padam fail-fail berikut:

Padam `WgaTray.exe` dari `c:/windows/system32`

Padam `WgaTray.exe` dari `c:/windows/system32dllcache`



Mulakan Windows Registry editor dan padam folder "WGAL OGON" yang terdapat di lokasi berikut:

`HKEY_LOCAL_MACHINE/SOFTWARE/Microsoft/Windows`

`NT/CurrentVersion/WinlogonNotify`. Padam semua rujukan in dalam registry yang berkaitan dengan `WgaTray.exe`

wanmus

<http://www.wanmus.com>



KEDUA

Terdapat tiga fail yang terpasang di dalam folder sistem Windows XP iaitu:

WINDOWS/system32/WgaLogon.dll
 WINDOWS/system32/WgaTray.exe
 WINDOWS/system32/LegitCheckControl.dll

Proses dari wgaTray.exe ini yang menjalankan semakan terhadap perisian Windows anda samada tulin atau cetak-rompak. Anda boleh non-aktifkan WGA dengan mengeluarkan bit penjanaaan (execute bit) pada WgaLogon.dll. Dengan cara demikian, winlogon tidak berupaya untuk memanggilnya dalam bentuk pakej peringatan semasa booting, dan kerana WgaLogon bertanggungjawab untuk melaksanakan dan memperk emaskan WgaTray.exe, tiada juga lagi mesej popups.

Untuk mengubah bit penjanaaan WgaLogon.dll, pertama matikan "Simple File Sharing". Sekarang klik butang kanan tetikus pada fail berkenaan dan buka Security Tab. Pilih

butang Advanced, hilangkan tanda tick pada "the Inherit box" di bawah, klik butang

Copy, kemudian klik OK. Lakukan untuk kesetiap user/group yang disenaraikan dan hapuskan "Read & Execute" permission untuk fail berkenaan, dengan hanya meninggalkan "Read" permission seperti keadaan asalnya.

Klik OK untuk melakukan perubahan permission tersebut dan tutup kotak dialog file properties. Tutup dan hidupkan semula komputer. Anda sekarang boleh gunakan semula "Use simple file sharing", jika anda mahu.

KETIGA

Bersihkan isi fail data.dat yang terdapat di lokasi berikut:

C:/Documents and Settings/All Users/Application Data/Windows Genuine Advantage/data

Kemudian simpan data.dat sebagai satu fail kosong dan tukar atribut menjadi "Read Only" - dan hidupkan semula komputer anda. Atau mulakan komputer dalam Safe Mode dan hapuskan fail-fail berikut dari folder Windows/system32- wgalogon.dll spmgs.dll wgatray.exe Fail setup WGA ialah di dalam
C:/WINDOWS/SoftwareDistribution/
Download6c4788c9549d437e76e1773a7639582a


Jika anda tidak menggunakan "Fast User Switching", anda boleh non-aktifkan Skrin Alu-aluan Windows XP jika anda logged in sebagai Administrator. Ini akan menghapuskan Skrin Amaran WGA:

1. Klik pada Start -> Control Panel -> User Accounts
2. Klik "Change the way users log on or off"
3. Hilangkan tick pada "Use the Welcome Screen" - Pilih Apply
4. Tutup tettingkap User Accounts dan Control Panel
5. Selepas anda reboot komputer anda, petak login klasik akan digunakan.

Untuk menggunakan Fast User Switching, anda mesti juga aktifkan pilihan Use the Welcome screen. Juga, Fast User Switching tidak boleh digunakan jika Offline Files diaktifkan.

Namun semua di atas masih diperngkat eksperimen dan belum ada jaminan ia akan berjaya sepenuhnya. Sementara itu Microsoft tidak mahu tunduk kepada pemecah kod (crackers) kali ini dan merancang untuk mengeluarkan update terhadap utiliti

WGADiag2.exe dalam masa yang terdekat.



WGADiag2 juga akan membetulkan masalah dengan keizinan registry key permissions yang menyebabkan pemasangan Windows Genuine Advantage Notifications KB905474 gagal pada Windows Update:

Berikut ialah pembetulan manual dari Microsoft. Permissions ini boleh dibetulkan menggunakan Registry Editor seperti berikut:

1. Klik Start, kemudian klik Run
2. Di kotak Open, taip regedit, dan klik OK
3. Klik HKEY_CLASSES_ROOT untuk mengembangkannya
4. Cari subkey HKEY_CLASSES_ROOT\LegitCheckControl.LegitCheck
5. Klik dengan butang kanan tetikus pada subkey itu dan pilih Permissions_.
6. Pastikan Administrators diizinkan Full Control permission
7. Ulangi langkah 3-6 untuk subkey HKEY_CLASSES_ROOT\LegitCheckControl.LegitCheck.1

KEEMPAT

Buka notepad dan taipkan koding ini

```
"% windir%system32wgaatray.ex e /u"  
reg delete "HKLMSOFTWAREMicrosoftWindows  
NTCurrentVersionWinlogonNotifyWgaLogon" /f  
del /f /q "% windir %system32wgaatray.exe"  
del /f /q "% windir %system32dllcachewgaatray.exe"  
del /f /q "% windir %system32WGAlogon.dll"  
del /f /q "% windir %system32dllcacheWGAlogon.dll"  
rmdir /s /q  
"% windir%SoftwareDistributionDownload6c4788c9549d437e76e1773a7639582a"  
pause
```

Simpannya sebagai WGAfix.bat Pastikan semasa simpan pilih jenis "All files", jika tidak nanti dia akan jadi WGAfix.txt.

Selepas itu dwiklik fail itu, dan satu command prompt akan dibuka. Biarkan koding tadi run. Setelah selesai terus restart pc.

Sepatutnya OK.

Dipetik dan diubahsuai oleh wanmus.